

Wajibkan remaja, belia sertai program ganti PLKN, BTN

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mewajibkan semua remaja atau belia di negara ini untuk menyertai program baharu yang bakal menggantikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Biro Tatanegara (BTN).

Bagaimanapun, program baharu itu perlu dipastikan neutral dan benar-benar bersifat kenegaraan serta tidak menjadi modal propaganda pihak tertentu.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, berkata program itu perlu diwajibkan untuk semua bagi mengatasi kelemahan PLKN yang dilihat gagal menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme kepada belia secara menyeluruh.

"PLKN dilihat gagal kerana walaupun matlamatnya nak pupuk semangat nasionalisme dan patriotisme, tetapi yang hadir hanya segelintir dan peratusannya terlalu kecil berbanding jumlah generasi muda di Malaysia.

"Mereka yang hadir memang mengakui ada perubahan pada sikap mereka ke atas negara, namun majoriti yang tidak dipilih untuk hadir langsung tidak terkesan dengan inti pati PLKN.

"Jika mahu semangat cinta dan sayangkan negara ada pada semua generasi muda, maka setiap seorang daripada mereka wajib menghadirinya, sebagaimana dilakukan negara lain seperti Singapura dan Korea Selatan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof memaklumkan kerajaan akan memperkenalkan program baharu bertujuan menyemai semangat patriotisme dalam diri rakyat, bagi menggantikan PLKN dan BTN, yang dimansuhkan kerajaan terdahulu.

Mohd Redzuan berkata, struktur baharu program berkenaan sedang dimuktamadkan, dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi.



Jika mahu semangat cinta negara ada pada semua generasi muda, maka setiap seorang daripada mereka wajib menghadirinya.

Dr Teo Kok Seong,
Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) UKM

Kok Seong berkata, modul PLKN dan BTN boleh digabungkan menjadi satu program baharu jika semua golongan muda tanpa mengira bangsa, diwajibkan untuk mengikutinya.

"Sebelum ini, BTN lebih kepada untuk penjawat awam. Jika digabungkan dan penyertaannya diwajibkan untuk semua, maka setiap orang, sama ada yang bekerja dalam sektor awam atau swasta, akan melalui dan terkesan dengan program ini," katanya.

Bagaimanapun, Kok Seong menegaskan modul program baharu itu perlu neutral dan tidak menjadi propaganda pihak tertentu, khususnya kerajaan yang memerintah, atau ia juga akan gagal menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme untuk golongan muda semua bangsa.

"Sebelum ini, BTN dikatakan menjadi propaganda, dakyah dan indoktrinasi kerajaan semasa. Jika itu kelemahannya, program baharu ini perlu kita elakkan kelemahan berkenaan.

"Gantikan dengan modul yang bersifat kenegaraan daripada pelbagai segi secara neutral, tak memihak sesiapa, dengan matlamat memupuk semangat nasionalisme, iaitu bangga pada negara, dan patriotisme, iaitu cinta pada negara," katanya.

Bagi memastikan modul program itu benar-benar neutral, Kok Seong berpendapat, Akademi Kenegaraan wajar diberi tanggungjawab merangka modul berkenaan, namun keanggotaan akademi itu perlu dirombak terlebih dahulu.

"Akademi itu perlu diketuai tokoh yang tiada kontroversi seperti Tan Sri Lee Lam Thye, serta dibarisi tokoh masyarakat, keagamaan dan ahli akademik yang boleh diterima masyarakat.

"Mereka perlu rangka modul yang neutral kerana jika ia berat sebelah, pihak yang menyertainya program baharu itu akan tahu dan mereka akan memberontak, sekali gus matlamat program tidak akan tercapai," katanya.